

B B250 BAH
MAHATHIR - UMNO RRR

IPOH, 10 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA PARA PEMIMPIN UMNO BUKANLAH +TUAN KEPADA PARTI TETAPI LEBIH MERUPAKAN HAMBA KEPADA PARTI+ DALAM MEMPERJUANGKAN MATLAMAT DAN PENCAPAIAN CITA-CITANYA. JAWATAN YANG MEREKA SANDANG, TAMBAH BELIAU, JUGA BUKAN BERTUJUAN UNTUK KENAIKAN PANGKAT ATAU MEMPEROLEHI SESUATU FAEDAH LAIN.

KATANYA, JAWATAN-JAWATAN YANG DIWUJUDKAN DALAM UMNO SEJAK PARTI DITUBUHKAN TIDAK SAMA SEKALI BERTUJUAN MENJAGA KEPENTINGAN ORANG YANG MEMEGANG JAWATAN ITU.

+IA JUGA BUKAN BERTUJUAN UNTUK MEREKA NAIK KE LANGIT, TIDAK. JAWATAN ITU DIWUJUDKAN BERTUJUAN MEMBERI KESAN KEPADA PERJUANGAN UMNO,+ TAMBAH BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN MAJU-UMNO PERAK DI SINI.

DALAM UCAPAN SELAMA 80 MINIT ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYINGKAP SEJARAH PENUBUHAN DAN MATLAMAT UMNO, PERJUANGAN BANGSA MELAYU DAN KEADAAN SERTA CABARAN SEMASA YANG DIHADAPI. -- LAGI.
1835MST 10 04 87

D591

B B254 DEB
MAHATHIR - UMNO 2 IPOH RRR

MENURUTNYA, MENJADI PEMIMPIN UMNO PADA MASA DAHULU TIDAK MEMBAWA BANYAK MUNAFAAT KERANA KELEBIHANNYA HANYALAH UNTUK MEWAKILI BANGSA MELAYU ATAU MENJADI JURUCAKAP BANGSA MELAYU.

DALAM HAL ITU, PARA PEMIMPIN KETIKA ITU TERPAKSA MENGELUARKAN PERBELANJAAN SENDIRI DALAM PELBAGAI URUSAN SEPERTI YANG DIHADAPI OLEH ALLAHYARHAM DATUK ONN JAAFAR DAN TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ AKIBAT KEMISKINAN ORANG MELAYU.

+SESIAPA YANG MENJADI PEMIMPIN MESTILAH BEKERJA KUAT UNTUK MENJAYAKAN CITA-CITA ORANG MELAYU NEGARA INI,+ TAMBAHNYA.

BELIAU GEMBIRA KERANA PARA PEMIMPIN BERKENAAN TIDAK BERSUNGUT ATAU +TIDAK ADA SESIAPA LAIN YANG BEREPUT UNTUK MEMEGANG ITU DAN JAWATAN INI.+

BELIAU JUGA BERSYUKUR KERANA PARA PEMIMPIN BERKENAAN JUJUR DAN TIDAK ADA SIAPA PULA MENCABAR MEREKA DAN MEMBOLEHKAN MEREKA MENJALANKAN TUGAS DENGAN TENANG SERTA DIHORMATI OLEH SELURUH ANGGOTA UMNO. -- LAGI.

1841MST 10 04 87

D596

B B256 DEB
MAHATHIR - UMNO 3 IPOH RRR

+DAN AHLI-AHLI UMNO PULA MEMBULATKAN TEKAD MENYOKONG PEMIMPIN SUPAYA APABILA PEMIMPIN BERKATA SESUATU, INI MERUPAKAN HASRAT DAN SOKONGAN SELURUH RAKYAT JELATA JUGA,+ TAMBAH PERDANA MENTERI.

MAKA DENGAN ITU, PEMIMPIN DAPAT DIHORMATI KERANA APA YANG DIKATAKANNYA TETAP MERUPAKAN HASRAT SELURUH AHLI DAN ORANG MELAYU DAN APABILA BEKERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI LAIN, PEMIMPIN UMNO JUGALAH YANG MENYUARAKAN PENDAPAT YANG DAPAT DITERIMA SELURUHNYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA INILAH YANG MEMBERI KESAN KUAT KEPADA KEKUATAN UMNO YANG PERLU DITERUSKAN.

MENGENAI PERPADUAN BANGSA MELAYU, BELIAU MEMINTA RAKYAT MENKAJI KEADAAN BANGSA MELAYU KETIKA BELUM MERDEKA DAHULU YANG BERPUAK-PUAK MENGIKUT KENEGERIAN SEHINGGA MEMUDAHKAN KUASA ASING MENAKLUKI DAN MENJAJAH NEGARA INI.

UMNOLAH PARTI YANG BERJAYA MELEPASKAN BANGSA MELAYU DAN NEGARA DARIPADA PENJAJAHAN SEHINGGA MENCAPAI KEMERDEKAAN DAN DENGAN DESAKAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO KEMERDEKAAN DAPAT DICAPAI DUA TAHUN LEBIH AWAL DARIPADA YANG DIJANJIKAN OLEH BRITISH SEBELUMNYA, KATANYA LAGI. -- LAGI.

1851MST 10 04 87

D603

B B263 DEB
MAHATHIR - UMNO 4 IPOH RRR

BELIAU JUGA MENINGATKAN ANGGOTA UMNO DAN BANGSA MELAYU SUPAYA JANGAN SEKALI-KALI MELUPAKAN KEUTAMAAN PERPADUAN SUNGGUHPUN BANGSA MELAYU KINI MENCAPAI KEJAYAAN BESAR DALAM PELBAGAI LAPANGAN.

+KALAU DAHULU MISKIN, KETIADAAN PROFESIONAL MELAYU, TIADA PELAJARAN DAN SEUMPAMANYA, KINI BANGSA MELAYU TELAH MENEBUS MARUAH DAN MENCAPAI KEJAYAAN HASIL PERJUANGAN UMNO DAN PERPADUAN MELAYU MELALUI UMNO. KITA HARUS JANGAN LUPA HAKIKAT INI,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PERPADUAN SAHAJA YANG BOLEH MENJAMIN KEJAYAAN KERANA TANPA PERPADUAN,+BIAR KITA PANDAI MACAM MANAPUN, KITA TIDAK AKAN CAPAI KEJAYAAN.+

+SEBAB ITU KITA HARUS HARGAI PERPADUAN. SEJAJAR DENGAN SLOGAN UMNO: BERSATU, BERSETIA, BERKHIDMAT, TIAP-TIAP AHLI YANG PEGANG JAWATAN ATAU TIDAK MESTILAH MEMAHAMINYA,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN DALAM DUNIA MODEN INI KEKUATAN ADALAH TUNGGAK KEJAYAAN KERANA TANPA KEKUATAN, TIDAK ADA SIAPA AKAN HORMATI YANG LEMAH. -- LAGI.

1906MST 10 04 87

B B264 DEB
MAHATHIR - UMNO 5 IPOH RRR

PRESIDEN UMNO TURUT MENEGASKAN BAHAWA PERPADUAN BOLEH DICAPAI KALAU PARA ANGGOTA INGAT DAN SAYANGKAN PARTI DAN +KALAU TIDAK SETAKAT MEMIKIRKAN DIRI KITA, TEMPAT KITA (YANG LEBIH UTAMA).+

+TETAPI, APABILA KITA MULA BERTANYA, ORANG LAIN SUDAH DAPAT, APA PULA YANG KITA DAPAT, MAKA BERMULA PERASAAN IRI HATI TERHADAP ORANG LAIN DAN BERMULA GEJALA KURANG SIHAT,+ TAMBAHNYA DENGAN DISELANG-SELI OLEH PEKIKAN +HIDUP MAHATHIR+ DAN +SINGKIRKAN PETUALANG+.

SEPANJANG UCAPAN TERSEBUT, DATUK SERI DR. MAHATHIR KELIHATAN TENANG SEMASA MENYAMPAIKAN UCAPAN TANPA TEKSNYA SAMBIL TERSENYUM DENGAN REAKSI RIBUAN ORANG YANG MENDENGAR UCAPANNYA SAMBIK MENGIBARKAN SEPANDUK-SEPANDUK YANG MENYATAKAN SOKONGAN KEPADANYA.

KIRA-KIRA 20,000 ORANG DIANGGARKAN MENGHADIRI MAJLIS ITU YANG DIADAKAN DI TENGAH-TENGAH BANDAR DI SINI TERMASUK PARA PERWAKILAN UMNO DARI NEGERI-NEGERI LAIN.

TURUT HADIR IALAH PARA MENTERI BESAR PERLIS, KEDAH, SELANGOR, NEGERI SEMBILAN, JOHOR DAN KETUA MENTERI MELAKA, KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA ENCIK ANWAR IBRAHIM DAN KETUA PERGERAKAN WANITA, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, PARA MENTERI, TIMBALAN MENTERI DAN PARA PEMIMPIN KERAJAAN NEGERI.

BANGUNAN MAJU-UMNO SETINGGI 10 TINGKAT ITU DIBINA SECARA USAHASAMA OLEH UMNO NEGERI DAN ANAK SYARIKAT UMNO YANG BERTUJUAN MENGURUSKAN PENTABIRAN HARTA PARTI DENGAN KOS \$16 JUTA. -- BERNAMA.
1912MST 10 04 87